



**KENYATAAN MEDIA
TIMBALAN PERDANA MENTERI
MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

**PENUBUHAN JAWATANKUASA PERINGKAT TINGGI (HLC)
BIOBAHAN API PERKUKUH DAYA TAHAN TENAGA NEGARA**

Hari ini saya telah mempengerusikan **Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Tinggi (HLC) Biobahan Api Bilangan 1 Tahun 2026** sebagai langkah segera Kerajaan dalam memperkukuh kesiapsiagaan negara menghadapi ketidaktentuan bekalan tenaga global.

Penubuhan HLC ini adalah susulan daripada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri sebagai langkah **respons proaktif terhadap krisis tenaga global yang tercetus akibat ketegangan geopolitik** di Asia Barat. Matlamat utama jawatankuasa ini adalah untuk membincang, menyelaraskan, dan memantau pelaksanaan keputusan dasar Kerajaan berkaitan **peningkatan kadar adunan biodiesel negara daripada B10 kepada B15 secara berperingkat**.

Selaras dengan usaha memperkukuh tadbir urus industri biobahan api negara, Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) selaku urusetia HLC Biobahan Api komited memastikan jawatankuasa ini berfungsi sebagai **platform penyelarasan strategik peringkat tinggi** merentas kementerian dan agensi. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab untuk melapor kemajuan pelaksanaan kepada Mesyuarat Jemaah Menteri. Biodiesel yang dihasilkan dari komoditi tempatan mampu bertindak sebagai penampungan langsung jika berlaku kejutan bekalan luar dan membolehkan negara mengawal sebahagian besar sumber tenaganya secara domestik.

Kerajaan berharap agar inisiatif pemerkasaan biodiesel ini dapat **mengurangkan kebergantungan negara terhadap import bahan api fosil dan memperkukuh jaminan keselamatan tenaga melalui sumber alternatif yang lebih mampan** sekaligus memanjangkan bekalan bahan api negara.

Kerajaan kekal komited dan akan terus memperkukuh kolaborasi strategik bersama pemegang taruh bagi memastikan industri biobahan api menjadi antara **pemacu utama peralihan tenaga rendah karbon, keselamatan tenaga serta pengukuhan daya saing sektor agrikomoditi negara.**

-Tamat-

AHMAD ZAHID HAMIDI

Timbalan Perdana Menteri

Pengerusi Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Tinggi (HLC) Biobahan Api

29 April 2026